



Warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas, terdiri daripada **Anak Negeri Selangor** yang berkelayakan dan memenuhi kriteria yang ditetapkan adalah dipelawa untuk mengisi kekosongan jawatan berikut:-

- (a) **JAWATAN** : Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19
(b) **JABATAN** : Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor
(c) **TARAF JAWATAN** : Tetap
(d) **KUMPULAN PERKHIDMATAN** : Kumpulan Pelaksana
(e) **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : Kewangan
(f) **TARIKH TUTUP PERMOHONAN** : **01 Mei 2022**
(g) **JADUAL GAJI MINIMUM – MAKSIMUM:** :

GRED GAJI	MINIMUM (RM)	MAKSIMUM (RM)	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
W19	1,353.00	4,005.00	100.00

SYARAT LANTIKAN

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - warganegara Malaysia;
 - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik, Perdagangan atau Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut.
Gred W19 [Gaji permulaan ialah pada : RM1,353.00]; atau
 - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
Gred W19 [Gaji permulaan ialah pada : RM1,409.40]; atau
 - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
Gred W19 [Gaji permulaan ialah pada : RM1,409.40]; atau
 - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
Gred W19 [Gaji permulaan ialah pada : RM1,465.80]; atau
 - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
Gred W19 [Gaji permulaan ialah pada : RM1,465.80].

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS

3. Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas pengurusan kewangan sepenuh masa di peringkat Kumpulan Sokongan berhubung urusan-urusan kawalan belanjawan, kewangan am, terimaan, perolehan kerajaan, bayaran emolumen, pembayaran, akaun, pelaburan dan pinjaman.